

## **GARISPANDUAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN SEMASA AKTIVITI PENDERMAAN DARAH BAGI MENGEKANG PENULARAN JANGKITAN PENYAKIT BERJANGKIT COVID-19**

### **Pengenalan**

1. Bekalan darah yang mencukupi, berkualiti dan selamat sangat penting bagi memastikan rawatan optimum kepada pesakit yang memerlukan transfusi. Bekalan darah di Malaysia didapati dari pendermaan darah secara sukarela tanpa berbayar dari penderma darah yang memenuhi kriteria pendermaan darah. Pandemik COVID-19 juga telah memberi impak kepada pendermaan darah diseluruh Malaysia.
2. Keperluan darah yang berterusan di peringkat hospital adalah penting bagi rawatan pendarahan dalam situasi kecemasan seperti kemalangan dan komplikasi bersalin; rawatan untuk pesakit yang memerlukan transfusi darah secara berkala seperti thalassemia, kanser, bayi pramatang, kegagalan buah pinggang dan sebagainya serta bagi pesakit yang menjalani pembedahan major. Justeru, perkhidmatan Perubatan Transfusi yang dijalankan oleh Pusat Darah Negara dan Tabung-Tabung Darah termasuklah aktiviti pendermaan darah merupakan salah satu dari perkhidmatan perlu (essential) dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Sehingga kini, tiada kes yang dilaporkan melibatkan jangkitan COVID-19 menerusi pendermaan darah dan transfusi darah namun perkhidmatan Perubatan Transfusi perlu mengambil langkah pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 bagi aktiviti pendermaan darah di bahagikan kepada tiga situasi iaitu, sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.

### **A. Sebelum aktiviti pendermaan darah**

Sebelum aktiviti derma darah dijalankan, Pusat Darah Negara (PDN) dan Tabung Darah seluruh negara perlu:

1. Menjalankan promosi dan pendidikan berterusan serta berkomunikasi dengan jelas, proaktif dan konsisten menerusi pelbagai platform bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan bakal penderma darah mengenai keperluan pendermaan darah dan *Standard Operating Procedure* (SOP) tambahan bagi memutuskan rantai COVID-19:
  - 1.1 Keperluan bekalan darah yang berterusan bagi perawatan pesakit termasuk semasa pandemik COVID-19; dan
  - 1.2 Pematuhan kepada norma baru dan SOP tambahan bagi pendermaan darah termasuk:

- i. Amalan kebersihan diri seperti mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer* serta mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul;
  - ii. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter semasa berurusan dengan individu lain;
  - iii. Kriteria pemilihan penderma iaitu hanya individu yang benar-benar sihat tanpa simptom seperti batuk, demam, selsema dan kesukaran bernafas serta tiada sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh tertentu boleh hadir ke lokasi aktiviti derma darah;
  - iv. Kepentingan *self-deferral* sekiranya mempunyai kontak dengan pesakit COVID-19, tidak sihat atau mempunyai sebarang simptom COVID-19.
2. Menggalakkan aktiviti pendermaan darah di pusat-pusat pendermaan darah statik seperti di PDN, hospital negeri dan daerah serta kempen derma darah bergerak yang terkawal di peringkat komuniti dengan mematuhi SOP terkini;
  3. Memberi latihan berterusan kepada staf mengenai COVID-19; *standard precaution* seperti *good hand hygiene*, penjarakan fizikal, pemakaian sarung tangan dan etika batuk dan bersin yang betul serta kriteria tambahan bagi pemilihan penderma darah yang sihat, tiada simptom dan tidak berisiko untuk menderma darah;
  4. Menyediakan peralatan dan kemudahan yang mencukupi semasa pendermaan untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 termasuklah:
    - i. Peralatan pelindung diri yang mencukupi untuk kegunaan staf;
    - ii. Peralatan untuk mengukur suhu;
    - iii. Pengimbas MySejahtera untuk merekodkan kehadiran di lokasi;
    - iv. Kemudahan mencuci tangan seperti sabun atau *hand sanitizer*; dan
    - v. Kemudahan menjalankan dekontaminasi persekitaran secara berkala.

## **B. Semasa aktiviti pendermaan darah**

Semasa menjalankan aktiviti derma darah, PDN dan Tabung Darah seluruh negara perlu:

1. Melakukan saringan awal di pintu masuk kepada semua bakal penderma iaitu melalui pemeriksaan suhu, pengisian borang deklarasi COVID-19 dan mengimbas kod MySejahtera sebelum penderma meneruskan pendaftaran bagi pendermaan darah;
2. Memastikan proses kerja di lokasi pendermaan darah teratur serta penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya satu meter;
3. Memastikan langkah-langkah mengawal kedatangan penderma (*crowd control*) dan tidak mengadakan perkumpulan yang besar pada satu-satu masa;

4. Memantau pematuhan staf terhadap SOP bagi mencegah penularan COVID-19 serta memastikan staf sihat dan tidak mempunyai risiko jangkitan COVID-19; dan
5. Melakukan pembersihan (*disinfection*) meja pendaftaran, peralatan pendermaan darah, katil penderma dan *stress ball* yang telah digunakan selepas setiap pendermaan.
6. Menjalankan kaunseling pra-pendermaan mengikut SOP yang ditetapkan. Staf yang bertugas di lokasi derma darah perlu memastikan kriteria tambahan bagi pemilihan penderma darah dipatuhi seperti berikut:
  - 6.1 Mendapatkan maklumat terperinci mengenai sejarah perjalanan penderma darah;
  - 6.2 Kriteria pendermaan darah yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19:
    - i. Bakal penderma yang disahkan (confirmed), disyaki (suspected) atau berkemungkinan (probable)\* mengalami jangkitan COVID-19 tidak dibenarkan menderma sehingga **14 hari** selepas sembuh sepenuhnya atau dari tarikh terakhir saringan positif COVID-19 sekiranya penderma tidak bergejala;
    - ii. Bakal penderma yang mempunyai sejarah kontak rapat (*close contact*) dengan pesakit yang disahkan (confirmed), disyaki (suspected) atau berkemungkinan (probable) COVID-19 tidak dibenarkan menderma darah selama **14 hari** dari tarikh akhir kontak;
    - iii. Bakal penderma yang tidak bergejala namun mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara \*\* tidak dibenarkan menderma selama individu tersebut masih dalam kuarantin bergantung kepada arahan terkini daripada kerajaan Malaysia.
  - 6.3 Kriteria pendermaan darah berkaitan penderma yang menerima vaksin COVID-19:
    - i. Bakal penderma yang menerima vaksin COVID-19 dari kategori **non-live vaccine** (Jadual 1): tangguh **7 hari** selepas menerima vaksin;
    - ii. Bakal penderma yang menerima vaksin COVID-19 dan mengalami kesan sampingan yang ringan (Jadual 2): tangguh **7 hari** selepas pulih sepenuhnya daripada kesan sampingan;
    - iii. Bakal penderma yang menerima vaksin COVID-19 dan mengalami kesan sampingan yang serius/anafilaksis (Jadual 2): tidak dibenarkan menderma darah (*permanent deferral*);
    - iv. Sukarelawan untuk kajian klinikal vaksin COVID-19: tangguh **12 bulan** setelah melengkapkan dos vaksin\*\*\*.

### C. Selepas aktiviti pendermaan darah

Selepas aktiviti pendermaan darah, PDN dan Tabung Darah seluruh negara perlu:

1. Menasihatkan penderma sekiranya mengalami sebarang gejala jangkitan atau positif COVID-19 dalam tempoh **14 hari** selepas tarikh pendermaan darah untuk:
  - i. **SEGERA** menghubungi PDN atau Tabung Darah berkaitan dan memaklumkan mengenai simptom tersebut; dan
  - ii. Mendapatkan nasihat lanjut dari pusat kesihatan terdekat dan mematuhi arahan dari pejabat kesihatan daerah.
2. Menasihatkan penderma yang baru mendapat tahu mengenai sejarah kontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh **14 hari** selepas tarikh pendermaan darah untuk:
  - i. **SEGERA** menghubungi PDN atau Tabung Darah berkaitan untuk memaklumkan sejarah kontak tersebut; dan
  - ii. Mendapatkan nasihat lanjut dari pusat kesihatan terdekat dan mematuhi arahan dari Pejabat Kesihatan Daerah
3. Menjalankan penilaian risiko dan prosedur *look back and recall* untuk mengesan semua komponen darah dari pendermaan tersebut untuk dikuarantin dan/atau penyingkiran sekiranya perlu.
4. Membuat notifikasi kepada pihak wad yang telah dibekalkan darah sekiranya pemindahan darah telah dilakukan.

#### NOTA

\* Rujuk laman sesawang KKM bagi definisi yang terkini bagi jangkitan COVID-19.

\*\* Rujuk laman sesawang KKM bagi definisi yang terkini bagi senarai negara/ kawasan yang terlibat.

\*\*\* Rujuk protokol kajian terkini untuk maklumat semasa.

Jadual 1: Jenis vaksin COVID-19

<b><i>Non-live Vaccine:</i></b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>mRNA-based (Comirnaty, Pfizer-BioNTech)</i></li> <li>• <i>Inactivated vaccine (CoronaVac, Sinovac Life Sciences)</i></li> <li>• <i>Non-replicating virus vector-based (AZD1222, AstraZeneca)</i></li> <li>• <i>Non-replicating virus vector-based (Ad5-nCoV, Cansino Biologics)</i></li> <li>• <i>Non-replicating virus vector-based (Sputnik V, Gamaleya Research Institute)</i></li> <li>• <i>Non-replicating virus vector-based (Janssen, Johnson &amp; Johnson)</i></li> </ul>

*Jadual ini akan dikemaskini daripada masa ke semasa.*

Jadual 2: Jenis kesan sampingan vaksin COVID-19

Kesan sampingan ringan	Kesan sampingan serius/anafilaksis
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sakit dan merah di tempat suntikan</li> <li>• Demam, menggigil, sakit kepala, otot atau sendi</li> <li>• Berasa letih</li> <li>• Bengkak kelenjar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran bernafas</li> <li>• Pembengkakan muka dan tekak</li> <li>• Denyutan jantung yang cepat</li> <li>• Ruam teruk di seluruh badan</li> <li>• Rasa lemah dan pening</li> </ul>